

HARI :

TARIKH :

SILA SALIN NOTA DI BAWAH DI DALAM BUKU NOTA

Tindakan Raja Melayu Menangani Cabaran Barat	
Tuntutan raja Melayu melalui Durbar (a) Durbar di Kuala Lumpur 1903 • Sultan Perak, Sultan Idris Murshidul Adzam Shah mengkritik pemusatan kuasa Residen Jeneral • Mendesak mengembalikan kuasa raja dan bilangan pegawai Melayu dalam perkhidmatan kerajaan persekutuan ditambah dan dilantik ke jawatan tinggi • Tuan Muhammad ibni Yamtuan Antah, YDP Besar Negeri Sembilan menuntut bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi Persekutuan (b) Durbar di Pekan, Pahang 1932 • Sultan Iskandar Shah mendesak kuasa raja dan Majlis Negeri dikembalikan (c) Durbar di Klang, Selangor 1937 • Tuan Abdul Rahman, YDP Besar Negeri Sembilan gesa British beri peluang kepada buruh dari Alam Melayu menggantikan buruh Cina dan India (d) Durbar di Seri Menanti, Negeri Sembilan 1939 • Sultan Selangor, Sultan Hisamuddin Alam Shah cadang penubuhan Malay Girls College untuk meningkatkan pendidikan kaum wanita	3 Keengganan pemerintah NNMU menerima Penasihat British (a) Penasihat British di Perlis • 15 Julai 1909 – Meadow Frost dilantik sebagai Penasihat British • Perjanjian Perlis-British menjadikan Perlis negeri Melayu terakhir terima naungan British (b) Penasihat British di Kedah • 15 Julai 1909 – W.G. Maxwell menjadi Penasihat British di Kedah • Bahasa Inggeris dalam surat rasmi dan mengibarkan bendera Union Jack • Keengganan menerima kehadiran W.G. Maxwell mewujudkan konflik dengan Tunku Mahmud yang membawa kepada Perjanjian Kedah-British (1 November 1923) • Berjaya kekalkan identiti sebagai negeri Melayu: – Bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran dan perundangan – Penggunaan kalender Hijrah – Cuti umum pada hari Jumaat – Keutamaan melantik pegawai Melayu dalam pentadbiran (c) Penasihat British di Kelantan • Sultan Muhammad IV tidak menerima Perjanjian Bangkok • British berunding dengan baginda untuk wujudkan perjanjian • Perjanjian ditandatangani antara British dengan Kelantan pada tahun 1910 • Kandungan perjanjian: – J.S. Mason sebagai Penasihat British – Nasihat perlu diikuti kecuali dalam hal agama Islam dan adat Melayu – Tidak dibenarkan membuat hubungan luar tanpa melalui Penasihat British (d) Penasihat British di Terengganu • Sultan Zainal Abidin III enggan terima Penasihat British • Hanya terima wakil British yang tiada kuasa dalam pentadbiran (1910) • Sultan Muhammad II didesak menandatangani Perjanjian Terengganu-British (24 Mei 1919) • Terima J.L. Humphreys sebagai Penasihat British pertama • Sultan Muhammad II lebih banyak berunding dengan pembesar menimbulkan kemarahan British • Baginda turun takhta digantikan dengan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah

8.3 Usaha Pembesar Melayu dalam Pemodenan Negeri

1 Pembangunan sosioekonomi - Long Jaafar (Tokoh Korporat Melayu) membawa kemajuan di Larut - Pengeluar utama bijih timah di pasaran dunia, membina pusat pengajian agama dan sekolah Melayu Matang (1826) - Tengku Menteri Ngah Ibrahim (Tokoh Korporat Melayu) mempelajari sistem pentadbiran moden atas nasihat Sultan Abu Bakar bagi memajukan Larut	4 Pentadbiran dan pendidikan (a) Dato' Jaafar bin Muhammad - Menteri Besar Johor pertama - Seorang yang patriotik - Memartabatkan bahasa Melayu dengan menetapkan bahasa Melayu dalam penulisan surat rasmi - Mengarahkan bendera Union Jack dikibar lebih rendah daripada bendera Johor - Mewajibkan pegawai British memakai pakaian rasmi Johor (b) Dato' Abdul Rahman bin Andak - Bertanggungjawab mengawal hubungan Johor dengan British - Bijak berdiplomasi dan berpandangan jauh dalam usaha mengekalkan kedaulatan - Bijak mematahkan usaha British meluaskan kuasa – dibersarakan daripada pentadbiran kerana desakan British (c) Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi - Menggalakkan perkembangan pendidikan moden melalui penubuhan Jabatan Pelajaran dan sekolah-sekolah - Membentuk Jawatankuasa Pelajaran Negeri dan mewajibkan pendidikan untuk kanak-kanak
2 Pembangunan pertanian Wan Muhammad Saman (Tokoh Pembangunan Negeri Kedah) membina Terusan Wan Muhammad Saman (36 km panjang, 7.5 m lebar dan 1.5 m dalam) yang mengairi sawah – banyak tanah padi dibuka	
3 Pembangunan bandar Dato' Muhammad Salleh bin Perang melukis peta lengkap pertama negeri Johor bagi memudahkan pembangunan pertanian, perbandaran (Muar, Endau, Batu Pahat) dan sistem perhubungan	

5 Ahli Majlis Mesyuarat Persekutuan

- Dato' Abdullah Haji Dahan dan Raja Chulan menuntut penubuhan Rejimen Askar Melayu Diraja dan mendesak membuka peluang pekerjaan kepada anak-anak watan dalam perkhidmatan awam

6 Kepimpinan tempatan di Sarawak dan Sabah

- (a) **Datuk Hakim Imam Abang Haji Murshidi**
- Dilantik sebagai Datuk Hakim, ahli Majlis Tertinggi dan Majlis Negeri Sarawak (1925)
 - Dilantik sebagai Datu Imam (1932)
 - Mengasaskan Majlis Syuyukh Islam (Majlis Islam Sarawak)
- (b) **Orang Kaya-kaya Haji Mohammad Arshad**
- Ketua Anak Negeri yang membantu Pegawai Daerah menjalankan pentadbiran
 - Menjaga keamanan, mengutip cukai, mengurus hal berkaitan pembahagian tanah dan memajukan pertanian
 - Menjadi hakim di Mahkamah Anak Negeri – kendalikan kes berkaitan hukum adat dan syariah